# AK9 SISTEM PEMFAILAN ORTODONTIK

| TANGGUNGJAWAB | TINDAKAN |
|---|---|
| PPP | **Pemfailan Kad LP8**<br><br>1 Kad LP8 pesakit dipindahkan dari sistem pemfailan kad pesakit luar apabila pesakit berkenaan memerlukan perkhidmatan ortodontik.<br><br>2 Kad LP8 yang dikendalikan oleh unit ortodontik difailkan mengikut 4 angka terakhir no. kad pengenalan pesakit.<br><br>3 Apabila pesakit tamat rawatan aktif, kad LP8 pesakit dikembalikan ke sistem pemfailan kad pesakit luar. |
| PPP | **Pemfailan Kad LP7**<br><br>1 Pesakit didaftarkan dengan menggunakan LP7 apabila keputusan dibuat untuk memulakan rawatan ortodontik.<br><br>2 Pesakit di berikan nombor pendaftaran ortodontik mengikut nombor pesakit yang dimulakan rawatan untuk tahun berkenaan<br>**Contoh:** Pesakit di (Daerah Melaka Tengah dan Daerah Alor Gajah) yang mempunyai no.pendaftaran 1/05 bermakna pesakit adalah yang pertama dimulakan rawatan pada tahun 2005 (di Unit Pakar Ortodontik Kp Melaka Tengah dan KP Alor Gajah.)<br>Pesakit di klinik lawatan (Daerah Jasin )akan diberikan singkatan daerah klinik lawatan tersebut. Contoh: Pesakit yang mempunyai no pendaftaran (JS )1/05 bermakna pesakit adalah yang pertama dimulakan rawatan pada tahun 2005 di Klinik Pergigian (Jasin.)<br><br>3 Kad LP7 difailkan mengikut nombor pendaftaran ortodontik dan disusun mengikut tahun. |

| TANGGUNGJAWAB | TINDAKAN |
|---|---|
| PPP | **Pemfailan X-Ray Pesakit**<br><br>1 X-Ray pesakit dilabel dengan nama,tarikh pengambilan, nombor ortodontik dan disimpan dalam sampul x-ray yang dilabelkan dengan nombor pendaftaran ortodontik. Sekiranya tiada nombor pendaftaran ortodontik, x-ray pesakit dilabel dengan nombor pemfailan kad rawatan.<br><br>2 Sampul X-ray difailkan secara berasingan daripada kad LP7:<br><br>- Jika telah mempunyai no pendaftaran ortodontik difailkan mengikut no pendaftaran tersebut.<br>- Jika tiada no pendaftaran ortodontik difailkan mengikut susunan 4 angka terakhir no kad penenalan pesakit. |
| PPP | **Penyimpanan Model-Model Kajian Ortodontik.**<br><br>1 Model-model kajian ortodontik dilabelkan dengan nama pesakit, tarikh lahir, tarikh pengambilan impressi dan nombor pendaftaran ortodontik atau nombor pemfailan kad rawatan sekiranya tiada nombor ortodontik.<br><br>2 Letakkan "cushioning medium" seperti kepingan spon antara model kajian atas dan bawah sebelum diikat untuk mencegah dari kerosakan; kemudian disimpan dalam kotak.<br><br>3 Kotak simpanan model ortodontik dilabel dengan nama serta nombor ortodontik.<br><br>4 Model kajian pesakit yang belum mula dan tidak mahu rawatan, sekiranya ada, akan dimusnahkan. |
| PPP | **Penyimpanan dokumen dan surat lain yang berkaitan**<br><br>1 Dokumen dan surat lain yang berkaitan seperti surat rujukan, surat pengesahan jabatan, permohonan pengecualian dari permulaan rawatan ortodontik disimpan bersama X-ray dalam sampul X-ray. |